



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS TEORI TAKMILAH FARA'ID AL-FAWA'ID AL-FIKR FI AL-IMAM AL-MAHDI KARANGAN SHEIKH DAUD AL-FATANI

SYARIFAH SALHA BINTI SYED AHMAD



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (PERADABAN MELAYU) (MOD PENYELIDIKAN)

INSTITUT PERADABAN MELAYU
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Fara'id al-Fawa'id al-Fikr fi al-Imam al-Mahdi (MSS 2939) adalah karya tulisan Sheikh Daud al-Fatani r.h.m yang diterjemah daripada guru beliau iaitu Sheikh Mar'i bin Yusuf r.h.m. Kajian ini bertujuan mengenalpasti dan menganalisis secara terperinci tentang aspek-aspek ketauhidan, kerasulan dan kesempurnaan Islam berpandukan prinsip-prinsip teori Takmilah. Kajian dibuat menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks secara deskriptif. Teori Takmilah digunakan dalam menganalisis kandungan teks kerana sejajar dengan konteks kandungannya yang meletakkan tauhid sebagai tunjang utama karya bercirikan Islam. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa naskhah manuskrip MSS 2939 memperlihatkan unsur-unsur tauhid sejajar dengan prinsip ketuhanan yang bersifat *Kamal*. Ciri-ciri kepimpinan Islam dapat ditemukan dalam manuskrip ini dan bertepatan dengan prinsip kerasulan yang bersifat *Kamil*. Juga hasil dapatan menyimpulkan bahawa ciri-ciri kesempurnaan Islam meliputi prinsip keislaman yang bersifat *Akmal*. Justeru cetusan ilham pemikir Islam ke arah memartabatkan teori sastera Islam mampu dijulang sebaris dengan teori-teori barat yang rancak digunakan dekad ini. Maka dengan itu usaha ini turut menyumbang kepada pertambahan koleksi khazanah ilmu di Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia sekaligus dapat memartabatkan khazanah warisan Melayu di Malaysia. Kajian ini diharap dapat memandu kefahaman yang benar kepada khalayak pembaca dan penyelidik khususnya berkaitan ketuhanan, kepimpinan dan keislaman berlandaskan Enam Rukun Iman dan Lima Rukun Islam.





ANALYSIS OF TAKMILAH THEORY FARA'ID AL-FAWA'ID AL-FIKR FI AL-IMAM AL-MAHDI THE WORK OF SHEIKH DAUD AL-FATANI

ABSTRACT

Fara'id al-Fawa'id al-Fikr fi al-Imam al-Mahdi (MSS 2939) is the work of Sheikh Daud al-Fatani r.h.m written by his teacher, Sheikh Mar'i bin Yusuf r.h.m. This study aims to identify and analyze in detail about aspects of monotheism, prophecy and perfection of Islam in accordance with the principles of *Takmilah's* theory. The study was conducted using the library method and descriptive text analysis. *Takmilah* theory is used in analyzing the texts as it relates to the monotheism concept as the main principle of Islamic characteristic works. The results showed that; The manuscript of MSS 2939 shows monotheism elements in line with *Kamal's* divine principle. The characteristics of Islamic leadership can be found in this manuscript and coincide with the prophetic principle of *Kamil*. The findings also conclude that the features of Islamic perfection include the Islamic principle of *Akmal*. Thus, this study can upholding Islamic literary theories are in line with the western theories used in this decade. This effort also contributes to increase knowledge collection at the Malay Manuscript Center, the National Library of Malaysia as well as enhancing the Malay heritage of Malaysia. This study is expected to give a true understanding to readers and researchers especially in relation to divinity, leadership based on Six Pillars of Faith and Five Pillars of Islam.





KANDUNGAN

Muka surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
------------------------------------	----

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN	iii
-------------------------------------	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----

KANDUNGAN	vii
------------------	-----

SENARAI JADUAL	xii
-----------------------	-----

SENARAI RAJAH	xiii
----------------------	------



SENARAI LAMPIRAN	xv
-------------------------	----

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Tujuan Kajian	9
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Soalan Kajian	10
1.7 Kerangka Teoritikal	11
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	12
1.9 Kepentingan Kajian	14





1.10 Batasan Kajian	15
1.11 Teori Kajian	16
1.12 Definisi Konsep dan Operasional	16
1.12.1 Analisis Teori Takmilah	17
1.12.2 Fara'id al-Fawa'id al-Fikr fi al-Imam al-Mahdi	17
1.12.3 Sheikh Daud al-Fatani r.h.m	18
1.13 Kesimpulan	19

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	20
2.2 Kajian-Kajian Terdahulu	22
2.2.1 Kajian Terdahulu dalam Negara	22
2.2.2 Kajian Terdahulu Luar Negara	34



BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	41
3.2 Reka Bentuk Kajian	42
3.3 Teori kajian	44
3.3.1 Sejarah Teori Takmilah	44
3.3.2 Prinsip-prinsip Teori Takmilah	46
3.4 Kerangka Penggunaan Teori	52
3.5 Metodologi Kajian	53
3.5.1 Metode Pengumpulan Data	53
3.5.2 Metode Penganalisisan Data	56
3.6 Proses Analisis Teks	60





3.7 Kesimpulan	62
----------------	----

BAB 4 HASIL DAPATAN

4.1 Pengenalan	64
4.2 Dapatan Kajian	65
4.2.1 Unsur-unsur Tauhid	66
4.2.1.1 Tauhid Rububiyyah: Mengesakan Allah Melalui Bukti Kemunculan al-Mahdi dan Turunnya Isa a.s	68
4.2.2.2 Tauhid Uluhiyyah: Mengesakan Allah Melalui Ibadah	74
4.2.2 Ciri-Ciri Kepimpinan Islam pada Watak Imam al-Mahdi	83
4.2.2.1 Kepimpinan Berteraskan Konsep Khalifah	84
4.2.2.2 Kepimpinan Berteraskan Konsep Dakwah	89
4.2.2.3 Kepimpinan Berteraskan Konsep Jihad	93
4.2.3 Ciri-ciri Kesempurnaan Islam	98
4.2.3.1 Kesempurnaan Islam Melalui Keturunan yang Baik	99
4.2.3.2 Kesempurnaan Islam Melalui Kehebatan Ulama dan Ilmu Hadis	103
4.2.3.3 Kesempurnaan Islam Melalui Akhlak Yang Mulia	107
4.3 Kesimpulan	116

**BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1 Pengenalan	118
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	120
5.2.1 Perbincangan Unsur-unsur Tauhid	121
5.2.2 Perbincangan Ciri-ciri Kepimpinan Islam	123
5.2.3 Perbincangan Ciri-ciri Kesempurnaan Islam	125
5.3 Cadangan Untuk Meningkatkan Kajian Manuskrip Imam al-Mahdi	128





5.3.1	Mengadakan Promosi	129
5.3.2	Kursus Terjemahan dan Transliterasi Manuskrip Secara Berkala Atau Berterusan	131
5.3.3	Mempergiat Kursus Pemuliharaan Manuskrip	133
5.3.4	Mewujudkan Perpustakaan Pasukan Pentahqiq	133
5.4	Cadangan Untuk Meningkatkan Penulisan Kisah Imam al-Mahdi	137
5.4.1	Mengadakan Kursus atau Bengkel Pengumpulan Hadis	137
5.4.2	Mengadakan Kursus Baca Naskhah Kitab Klasik Imam al-Mahdi	138
5.5	Cadangan untuk Menjalankan Kajian Lanjutan	139
5.6	Kesimpulan	142
RUJUKAN		144

LAMPIRAN





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka surat
3.1 Kaedah Analisis Data Berdasarkan Objektif Kajian	56
3.2 Peringkat Dalam Proses Analisis Teks	61
4.1 Analisis Data Kajian Berpandukan Objektif dan Soalan Kajian	65
4.2 Analisis Kandungan Unsur-unsur Tauhid dalam Naskhah Kajian	80
4.3 Petikan Teks Bagi Unsur-unsur Tauhid	81
4.4 Analisis Kandungan Ciri-ciri Kepimpinan Islam Pada Watak Imam al-Mahdi	95
4.5 Petikan teks bagi Ciri-ciri Kepimpinan Islam	95
4.6 Analisis Ciri-ciri Kesempurnaan Islam dalam Naskhah Kajian	112
4.7 Petikan Teks Bagi Ciri-ciri Kesempurnaan Islam	113





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xiii

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
1.1 Kerangka Teoritikal	12
1.2 Kerangka Konseptual Kajian	13
3.1 Reka Bentuk Kajian	43
3.2 Kerangka Penggunaan Teori	52



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

ANM	Arkib Negara malaysia
APM	Akademi Pengajian Melayu
ATMA	Institut Alam Dan Tamadun Melayu
DBP	Dewan Bahasa Dan Pustaka
JKM	Jabatan Kesusastraan Melayu
JPM	Jabatan Persuratan Melayu
KPTM	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
PHD	Doctor Of Philosophy
PMM	Pusat Manuskrip Melayu
PNM	Perpustakaan Negara Malaysia Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
PPMAM	Pusat Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu
PUSKAM	Pusat Kajian Manuskrip Alam Melayu
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UITM	Universiti Teknologi Mara





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xv

SENARAI LAMPIRAN

A Manuskrip

B Transliterasi Manuskrip



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Manuskrip Alam Melayu adalah warisan ilmu dan pemikiran bangsa Melayu. Sejarah ilmu penulisan manuskrip Alam Melayu telah menemukan bahawa tradisi penulisan manuskrip terdahulu dapat dibahagikan kepada dua fasa iaitu; fasa sebelum kedatangan Islam dan fasa selepas kedatangan Islam. Fasa sebelum kedatangan Islam membuktikan bahawa tradisi penulisan manuskrip Alam Melayu banyak dipengaruhi oleh bahasa Sanskrit dan tulisan Pallava iaitu satu sistem penulisan yang berasal dari negara India. Bukti terawal kewujudan bentuk tulisan dalam manuskrip Alam Melayu dianggarkan penemuannya pada abad ke-3 atau ke-4 Masihi iaitu pada batu bersurat Campa Tua dan batu bersurat Kutai. Manakala penemuan beberapa buah batu bersurat pada abad ke-7 seperti di Talang Tuwo, Karang Brahi dan Kedukan Bukit pula menunjukkan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



manuskrip Melayu banyak ditulis dalam bahasa Melayu kuno yang menggunakan pakai skrip Pallava.

Sejarah penulisan manuskrip Alam Melayu dianggarkan telah berkembang pada abad ke-6 iaitu selepas penubuhan kerajaan Srivijaya. Tradisi penulisan Alam Melayu telah berubah kepada tulisan Jawi setelah kedatangan Islam ke Alam Melayu dianggarkan pada abad ke-11 hingga abad ke-17 Masihi. Teori ini telah dibuktikan oleh penemuan batu bersurat di Terengganu bertarikh 1303 Masihi yang diukir dalam tulisan Jawi di atasnya. Munurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (2011), pengenalan huruf Arab di rantau kepulauan Melayu yang membentuk tulisan Jawi adalah berasal daripada perkataan Arab. Ia adalah hasil usaha para pedagang dan alim ulama Arab. Pengenalan nama hari dalam seminggu misalnya, yang kini digunakan dalam istilah Melayu diperkenalkan oleh orang Arab Hadrami (Yaman, Hadramaut).



Huruf-huruf Jawi dapat dikenalpasti penggunaannya dalam penghasilan manuskrip di rantau kepulauan Melayu adalah dari huruf-huruf dan perkataan-perkataan yang tiada dalam bahasa Arab. Laras bahasa Melayu tempatan telah digubah kemudian disenaraikan dalam huruf-huruf Arab. Seperti yang diketahui, huruf Arab mengandungi 28 huruf bermula dari huruf *alif* hingga *ya*. Manakala huruf yang tiada dalam sistem ejaan arab seperti *cha*, *nga*, *pa*, *ga* dan *nya* adalah berasal daripada huruf Melayu (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 2011:137). Gabungan huruf-huruf Arab dan Melayu ini dipanggil tulisan Jawi. Manuskrip Jawi terawal dapat dikesan melalui surat Raja Ternate kepada Raja Portugal pada tahun 1521 Masihi. Bukti penulisan tulisan Jawi ini diyakini melalui pengislaman Raja Ternate yang dianggarkan pada tahun 1495 Masihi. Kegiatan penulisan yang giat pada abad tersebut telah melahirkan





pelbagai cabang ilmu dan perlu dikaji supaya ilmu yang terkandung di dalamnya dapat disebarluaskan kepada masyarakat hari ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Manuskrip Alam Melayu kaya dengan tradisi keilmuan dari segi adat, pemerintahan, sistem diplomasi, kebudayaan dan hukum-hakam dalam agama Islam. Manuskrip Alam Melayu tersimpan dalam pelbagai bentuk simpanan dan didokumentasikan di seluruh dunia antaranya di British Muzeum, The Bodleian Library Oxford, di Universiti Library di Laiden dan di Pusat Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia.



perseorangan, kerabat diraja, istana diraja dan pertubuhan tertentu seperti persatuan silat, perubatan, pondok pengajian Islam dan pengumpul bahan bersejarah atau klasik. Arkib Negara Malaysia (ANM) dan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) merupakan dua badan yang menyimpan manuskrip Alam Melayu secara teratur. PNM khususnya telah menubuhkan pusat kajian khusus mengenai manuskrip Alam Melayu yang dinamakan sebagai Pusat Manuskrip Melayu (PMM).

Manakala perpustakaan di universiti-universiti dan institut pengajian tinggi Malaysia juga ada menyimpan sebahagian besar manuskrip Alam Melayu untuk kajian ilmiah. Antaranya Pusat Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu (PPMAM) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Pusat Kajian Manuskrip Alam Melayu (PUSKAM) Universiti Teknologi Mara (UITM). Manakala manuskrip Alam Melayu yang





tersimpan di luar negara yang dibawa keluar oleh pengkaji-pengkaji barat di zaman penjajahan Portugis, Belanda, Sepanyol, Perancis, dan British tersimpan rapi di institusi akademik dan arkib di negara-negara tersebut. Sebagai contoh Perpustakaan Universiti Leiden yang merupakan pusat pengumpulan utama manuskrip Melayu di dunia. Manakala di Afrika Selatan pula sehingga kini terdapat satu dokumentasi yang paling lengkap tentang manuskrip Melayu dengan judul Towards a Catalogue of Islamic Manuscripts in South Africa with Special Reference to the Melayu Manuscripts at the Cape.

Berdasarkan teori-teori kedatangan Islam di Asia Tenggara, jelas menunjukkan peralihan penulisan manuskrip berpengaruh Hindi kepada pengaruh bahasa Arab telah digunakan selepas kedatangan Islam ke Nusantara. Penggunaan huruf-huruf Arab

dalam manuskrip Melayu memperlihatkan kemajuan dalam penulisan tamadun Melayu. Menurut Russel Jones (1983:125), tulisan Arab mula digunakan dalam masyarakat untuk mengeja bahasa Melayu sesudah abad ke-13. Hal ini terbukti melalui penemuan batu bersurat di Terengganu pada tahun 1303 Masihi yang menggunakan sistem ejaan Jawi. Malah di tempat-tempat lain telah ditemui batu nisan yang bertulisan Arab seperti di Brunei (440H/1048M), di Leran (1062M) dan di Aceh (1297M), serta kepingan wang syiling yang ditemui di Kelantan (557H/1161M).

Surat Raja Ternate kepada Raja Portugal bertarikh 1512 adalah manuskrip terawal yang dikenalpasti sebagai manuskrip berupa surat yang tertua dari kerajaan Melayu kepada pemerintah Barat yang bertulisan Jawi. Setelah dikaji, penulis mendapati abad ke-15 adalah zaman permulaan manuskrip Alam Melayu ditulis dalam tulisan Jawi dengan pengaruh bahasa Arab. Pada abad ke 16, 17, 18 dan 19 merupakan





zaman-zaman yang memperlihatkan peningkatan dalam sumbangan proses penulisan manuskrip Alam Melayu.

Kepadatan ilmu yang terkandung dalam manuskrip Alam Melayu sama ada dari sudut tulisan, bahasa yang indah dan keilmuan yang pelbagai, cukup memberi manfaat sebagai hasil peninggalan tamadun bangsa. Bahkan menepati ciri-ciri sastera bermutu tinggi kerana mengandungi wacana yang luas, berkesan dan indah yang mencakupi aspek kejelasan, perpautan, kesatuan dan kepelbagaian dari sudut bahasa dan bentuk penyampaian. Penghasilan karya-karya dalam pelbagai bidang juga adalah sumbangan ulama-ulama dan pengarang-pengarang yang lahir dari Alam Melayu. Kearifan dan kefaqihan para ulama dalam bidang tauhid, fiqh dan tasawuf misalnya telah menghasilkan banyak kitab-kitab dan manuskrip-manuskrip yang bermutu tinggi.



Ilmu-ilmu berteraskan Islam disebarluaskan kepada penduduk-penduduk dan masyarakat setempat melalui pengajian di pondok-pondok dan pasantren-pasantren.

Sheikh Daud al-Fatani r.h.m adalah salah seorang ulama Nusantara yang berperanan sebagai penyebar dan pengembang ilmu dalam bidang agama. Banyak karya-karya dalam bidang tauhid, fiqh dan tasawur telah dihasilkan oleh beliau. Karya-karya karangan beliau meliputi hampir 500 naskhah daripada hampir 4000 naskhah manuskrip yang tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia.

Antara karya hasil karangan beliau adalah *Kasfal-Ghummah fī Ahwal al-Mawta fi al-Barzakh wa al-Qiyamah* (terjemahan daripada kitab *Syarh al-Sudur bi Syarh Hal al-Mawta wa al-Qubur*) karangan al-Allamah Jalal al-Din al-Suyuti (m.911H), *Mukhtasar Tadkhirah al-Qurtubi*, *Furu' al-Masa'il*, *Hidayat al-Muta'allim* dan





Bisyarat al-'Amilin wa Nazarat al-Ghafilan (1304H/1887M). Kehebatan dan ketokohan beliau yang sangat produktif menghasilkan karya mendapat jolokan sebagai “*the most productive author of Kitab Jawi in the nineteenth century*” (Matheson dan Hooker).

Fara'id al-Fawa'id al-Fikr fi al-Imam al-Mahdi adalah karya beliau dalam bidang Tauhid. Karya ini adalah karya berbentuk hadis yang ditulis menggunakan tulisan Jawi dan siap ditarung pada tahun 1215H/1800M. Karya ini diterjemah daripada guru beliau iaitu Sheikh Mar'i bin Yusuf r.h.m. Fara'id al-Fawa'id al-Fiqh fi al-Imam al-Mahdi adalah karya yang masih dalam bentuk manuskrip disimpan di Pusat Manuskrip Melayu, di Perpustakaan Negara Malaysia. Karya ini dinomborkan dalam sistem pengkatalogan PMM sebagai MSS 2939 dan belum pernah dikaji atau diterbitkan dalam bentuk buku. Karya ini juga merupakan manuskrip Jawi (bahasa Melayu) yang pertama menceritakan tentang kisah Imam al-Mahdi dengan helaiantbupsi muka surat sebanyak 63 halaman. Kisah kemunculan Imam al-Mahdi menjelang kiamat dihuraikan dan dikelaskan kepada tujuh bab dalam bentuk matan-matan hadis berserta maksudnya.

Meskipun terdapat banyak buku-buku moden yang berkisah tentang Imam al-Mahdi, namun tidak dapat menyamai kepadatan kandungan ilmu Islami yang terkandung dalam Fara'id al-Fawa'id al-Fikr fi al-Imam al-Mahdi. Manuskrip ini dapat dikategorikan sebagai naskah sastera berunsur Islam malah dilihat mempunyai pengaruh yang amat besar dan dapat dijadikan rujukan oleh pembaca dan penyelidik jika keberadaannya di PMM diketahui umum.





1.3 Pernyataan Masalah

Teori-teori barat gagal menghubungkan nilai sastera dari perspektif Islam. Lantaran itu kritikan-kritikan yang lahir dari teori-teori barat lebih bersifat konseptual dan tidak menjurus kepada penghasilan karya berbentuk ma’nawi. Hal ini amat berbeza dengan teori sastera Islam yang lebih mendorong penciptaan sesebuah karya adalah perlu berlandaskan kepada unsur-unsur tauhid, yang terkait secara berangkai dengan Allah SWT.

Oleh kerana manuskrip MSS 2939 ini merupakan karya hadis dalam bidang tauhid, maka penggunaan teori Takmilah amat sesuai diaplikasikan ke atasnya. Lantaran itu dapat diteliti dan dianalisis sejauh mana ketepatan teori ini mampu mengangkat dan memuncakkan kesyumulan Islam. Teori Takmilah terbina di atas kepercayaan yang mendasari konsep kesyumulan. Justeru kajian dapat dilakukan ke atas manuskrip ini berasaskan prinsip-prinsip keislaman yang menunjangi teori ini.

Manuskrip ini ditulis dalam bentuk matan-matan hadis. Gaya penceritaanya disampaikan menggunakan bahasa Melayu lama. Mat Saad Abdul Rahman (1997) menyatakan pandangannya dalam Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu dengan judul: Tahqiq Manuskrip Arab Melayu bahawa, karya-karya purba ayatnya tidak tersusun dengan baik kerana ketiadaan perenggan, gaya bahasanya sukar difahami dan mengandungi beberapa istilah serta perkataan yang kini sudah tidak digunakan.





Demikian perkataan dan ayat-ayat dalam manuskrip MSS 2939 ini. Tiada penggunaan tanda bacaan seperti koma dan noktah kerana ditulis mengikut kesesuaian kaedah pada zaman tersebut. Lantaran itu kejelasan dalam memahami maksud hadis dan kisah yang ingin disampaikan akan menjadi kabur, apabila dibaca oleh pembaca kontemporari. Justeru, pendekatan kaedah filologi perlu dilakukan supaya kandungan teks dapat dikupas dengan cermat dan ilmu yang terdapat di dalamnya dapat diuraikan menggunakan pendekatan teori Takmilah.

Menurut Abu Hassan Sham dan Mat Saad Abdul Rahman (1995), manuskrip Melayu terkandung pelbagai pemikiran dan ilmu orang Melayu zaman lampau yang mencakupi pelbagai aspek keilmuan antaranya ilmu sejarah, undang-undang, perubatan dan sastera. Ia dinikmati oleh golongan yang terbatas khususnya golongan elit dan lengkongan istana dan golongan yang boleh membaca dan menulisnya terdiri daripada golongan terpilih sahaja. Oleh yang demikian, penyelidik telah mengambil tanggungjawab dan peranan ini untuk menyampaikan setiap ilmu yang telah ditulis oleh pengarang tentang kisah Imam al-Mahdi supaya dapat dibaca serta difahami dengan jelas oleh penyelidik-penyelidik lain pada masa akan datang.

Manuskrip ini menjadi pilihan kerana belum pernah diselidiki oleh penyelidik-penyelidik terdahulu. Justeru pendekatan teori Takmilah dalam menghurai dan merumuskan isi kandungan teks akan membantu penyelidik-penyelidik akan datang memahami dan meninjau kandungan manuskrip dengan cepat apabila kajian ke atasnya dilakukan. Pengkaji meyakini akan kepentingannya sebagai sumber penyebaran ilmu bertunjang al-Quran dan as-Sunnah yang perlu diketahui umum. Pengkaji menyakini teori ini mempunyai tempat dan haknya di dalam bahan kajian kerana teks





manuskrip tersebut berlandaskan kisah daripada al-Quran dan hadis. Justeru sangat selari dengan gagasan teori Takmilah yang meletakkan tauhid sebagai sumber penilaian utama sastera berunsur Islam.

1.4 Tujuan Kajian

Teori Takmilah merupakan teori yang masih baru digunakan dalam korpus sastera Islam. Penggunaannya banyak diaplikasikan ke dalam karya kreatif seperti puisi, cerpen dan novel. Sehubungan itu, penggunaannya dalam karya berbentuk manuskrip klasik terlalu kurang diaplikasikan. Lantaran itu, perluasan makna Takmilah terkongkong dalam dunia kritikan sastera dan karya cereka sahaja. Situasi ini

merupakan kekurangan yang akan membataskan pengenalan dan penyebaran sebuah teori sastera Islam, cetusan ilham daripada pemikir Islam. Oleh yang demikian, pengkaji berpeluang memperluaskan penggunaan teori ini ke dalam karya berbentuk naratif melalui naskhah manuskrip klasik. Banyak perkara dan aspek-aspek penting dapat diteliti untuk menjelaskan tentang apa yang ingin dikaji daripada naskhah kajian.

1.5 Objektif Kajian

Kisah Imam al-Mahdi menjadi topik perbualan yang sering memancing minat pembaca dan penyelidik. Kisah tentangnya diambil daripada matan-matan hadis yang dibincangkan dalam pengajian agama di pondok-pondok atau pasentran-pasentran sejak dahulu. Kehebatan kisah ini terletak pada watak Imam al-Mahdi itu sendiri.





Namun, turutan lengkap kisah ini yang terkandung pelbagai ilmu sampingan di dalamnya tidak akan dapat difahami sekiranya tiada usaha untuk menghimpunkan hadis-hadis yang menjelaskan tentangnya. Lantaran itu, Sheikh Daud al-Fatani r.h.m ter panggil untuk melakukannya. Usaha beliau sangat besar dan wajar dihargai. Berdasarkan tujuan kajian dan kecenderungan inilah, objektif kajian direncana dan diperincikan untuk mengamati aspek-aspek keilmuan Islam yang terkandung di dalamnya. Kesemua objektif akan dihuraikan berpandukan kepada penerapan prinsip-prinsip yang terkandung dalam teori Takmilah seperti berikut:

- i. Mengenalpasti unsur-unsur tauhid berdasarkan prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal.
- ii. Menganalisis ciri-ciri kepimpinan Islam berdasarkan prinsip kerasulan yang bersifat Kamil.
- iii. Menjelaskan ciri-ciri kesempurnaan Islam berdasarkan prinsip keislaman yang bersifat Akmal.

1.6 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian di atas, pengkaji berharap akan dapat lebih memahami soalan kajian berikut:

- 1 Apakah penonjolan unsur-unsur tauhid dalam naskhah kajian?
- 2 Apakah ciri-ciri kepimpinan Islam pada watak Imam al-Mahdi yang dihuraikan dalam naskhah kajian?






- 3 Bagaimana ciri-ciri kesempurnaan Islam dapat dijelaskan daripada naskhah kajian?

1.7 Kerangka Teoritikal

Kerangka teoritikal dibina untuk mencari apa yang ingin dikaji dalam penyelidikan. Soalan berfokus diperlukan untuk memandu pengkaji dalam menjalankan penyelidikan. Menurut Othman Lebar (2014) melalui Qualitatif Research and Case Study Applications in Education (Meriam, S.B., 2001) bahawa, kerangka teoritikal dijadikan sebagai asas untuk menjelaskan permasalahan kajian. Seterusnya merujuk kepada literatur yang berkaitan dengan topik kajian, penyelidik akan menemukan permasalahan kajian, soalan kajian, teknik pengumpulan dan analisis data serta berupaya menjana dapatan kajian. Soalan yang dibina oleh penyelidik adalah asas yang membentuk tujuan kajian supaya permasalahan kajian dapat dirungkai. Penjelasan ini dapat dilihat melalui rajah berikut:






Rajah 1.1 Kerangka Teoritikal. Sumber daripada Othman Lebar, 2014



1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Seperti yang dijelaskan oleh Creswell (1998) bahawa, reka bentuk sesuatu kajian akan menjelaskan keseluruhan proses penyelidikan. Penjelasan ini akan menggambarkan keseluruhan reka bentuk kajian yang berhubung kait dengan bahan kajian, strategi pelaksanaan dan metode yang digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data. Oleh yang demikian, kerangka konseptual kajian akan dijelaskan dalam bentuk rajah seperti berikut:





Rajah 1.2 Kerangka Konseptual Kajian





Rajah kerangka konseptual kajian tersebut menjelaskan tentang struktur-struktur yang menunjangi kajian untuk pengkaji menganalisis kandungan teks yang mencakupi aspek-aspek penting seperti objektif kajian, teori kajian, kaedah kajian, subjek kajian, analisis kajian dan dapatan kajian. Kerangka konseptual kajian ini amat penting bagi memandu pengkaji untuk melakukan kajian secara terarah.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharap dapat membantu pelbagai pihak untuk meningkatkan nilai keilmuan masyarakat dekad ini dalam usaha memelihara aset negara. Pihak-pihak yang dimaksudkan adalah:



- i. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM): Melihat kepada salah satu daripada fungsi PNM iaitu mengumpul khazanah ilmu dan menyediakan perkhidmatan rujukan dan bahan bacaan kepada khalayak pembaca, pengkaji dan penyelidik, maka kajian ini boleh menyumbang kepada koleksi ilmu ke arah memenuhi fungsi tersebut. Pihak PNM boleh menggunakan hasil kajian ini sebagai bahan untuk menambah koleksi khutub khanah dalam memelihara warisan ilmu dan budaya masyarakat Melayu yang harus dijaga dan diwarisi daripada satu generasi ke satuh generasi. PNM juga boleh memanfaatkan kajian ini dalam merancang dan menganjurkan kursus-kursus atau seminar-seminar untuk para penyelidik, pengkaji dan ahli akademik yang boleh membantu untuk memperhebatkan penyelidikan akan datang.





- ii. Para ilmuan dan ahli akademik: Para ilmuan boleh memanfaatkan kajian ini dalam menyebarluaskan maklumat dan warisan ilmu kepada masyarakat agar mereka lebih mengenali dan menghayati warisan pemikiran ulama Islam. Manakala ahli-ahli akademik khususnya para pensyarah dalam peringkat pengajian tinggi pula boleh memanfaatkan kajian ini untuk menambah ilmu pengetahuan dalam proses melengkapkan keperluan kerjaya, penemuan ilmu baharu, idea dan teori baharu yang boleh menjana dan mempengaruhi pemikiran seterusnya dapat menyebarluaskannya kepada para pelajar.
- iii. Para pengkaji dan penyelidik: Memberi maklumat dan menjadi bahan rujukan kepada pengkaji-pengkaji dan para penyelidik akan datang untuk menambah ilmu dan melengkapkan kajian akan datang. Di samping itu juga, diharapkan kajian ini dapat memugar semangat dan menjadi kuasa penggerak kepada para pengkaji dan penyelidik akan datang untuk membuat kajian atau memperkemaskan kajian yang sedia ada. Akhirnya, diharapkan kajian ini dapat memberi sumbangan ilmiah dalam bidang Peradaban Melayu di Malaysia dan menjadi salah satu bahan rujukan di peringkat universiti.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini dilakukan ke atas naskhah manuskrip Fara' id al-Fawa' id al-Fikr fi al-Imam al-Mahdi (MSS 2939) dengan tumpuan khusus menggunakan teori Takmilah sebagai asas untuk menganalisis kandungan teks. Prinsip-prinsip Takmilah yang berkaitan dengan ketuhanan, kerasulan dan keislaman dinilai untuk melihat kesinambungannya





antara satu sama lain dan kesejajarannya dengan kisah Imam al-Mahdi. Naskhah ini dipilih kerana sumber aslinya disimpan oleh Pusat Manuskip Melayu. Justeru memudahkan urusan pegkaji untuk membuat semakan dan penyelidikan.

1.11 Teori Kajian

Kajian ini menggunakan teori Takmilah yang diasaskan oleh Shafie Abu Bakar, mantan pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu (JPM), UKM. Beliau yang berlatar belakang pendidikan agama banyak menghasilkan tulisan tentang agama, sastera dan falsafah. Teori cetusan beliau ini merupakan satu-satunya teori sastera Islam di Malaysia yang memberi penekanan kepada analisis dan kritikan yang bersandarkan kepada konsep tauhid. Teori ini telah membuka jalan alternatif kepada para pengkaji, pengkritik dan

para sarjana untuk mengulas, menganalisis dan membuat kritikan berdasarkan prinsip-prinsip keislaman. Teori ini sangat sesuai dengan bidang kajian kerana mempunyai pertalian dengan unsur-unsur keislaman yang terkandung dalam naskhah yang dikaji.

1.12 Definisi Konsep dan Operasional

Merujuk kepada tajuk kajian iaitu: Analisis Teori Takmilah Fara'id al-Fawa'id al-Fikr fi al-Imam al-Mahdi karangan Sheikh Daud al-Fatani terdapat beberapa istilah dan perkataan yang perlu dijelaskan maksudnya bagi memberi kefahaman kepada para pembaca terhadap kajian yang dijalankan ini iaitu:





1.12.1 Analisis Teori Takmilah

Takmilah adalah satu teori sastera Islam. Mengandungi tujuh prinsip yang mendasari konsep kesyumulan Islam bersandarkan kepada tauhid. Dalam konteks kajian, teori Takmilah digunakan untuk menguji sejauh mana penggunaanya dapat diterapkan ke dalam naskhah kajian. Seterusnya dapat menganalisis dan menghuraikan hasil dapatan secara terperinci sejajar dengan prinsip-prinsip yang menunjang teori Takmilah itu sendiri. Dalam kajian ini, kandungan teks dianalisis berdasarkan kepada prinsip ketuhanan, prinsip kerasulan dan prinsip keislaman yang menjurus kepada makna *Kamal, Kamil dan Akmal* (sempurna).



Fara'id al-Fawa'id al-Fikr fi al-Imam al-Mahdi (MSS 2939), adalah judul manuskrip yang dikarang oleh Sheikh Daud al-Fatani r.h.m. Setelah diteliti dalam kamus Mu'jam al-'Arabi al-Asasi, maksud setiap perkataan dalam judul dapat diterjemahkan seperti berikut; *Fara'id* 'Satu', *al-Fawa'id* 'Faedah', *al-Fikr* 'Memikirkan', *fi* 'tentang', *al-Imam al-Mahdi* 'Imam al-Mahdi'. Maksud keseluruhan judul dapat disimpulkan sebagai; Satu Faedah Memikirkan tentang al-Imam al-Mahdi. Naskhah tersebut dikarang menggunakan tulisan tangan dengan aksara Jawi lama. Isi kandungannya sarat dengan hadis-hadis yang memperincikan tentang kemunculan Imam al-Mahdi, ciri-ciri fizikalnya dan beberapa aspek perbincangan yang berkaitan dengan watak Imam al-Mahdi itu sendiri. Ia merupakan karya hadis ke-2 dalam tulisan Jawi yang dihasilkan oleh Sheikh Daud al-Fatani r.h.m. Sesuai dengan gaya bahasa pada zaman





penghasilannya, manuskrip tersebut ditulis dengan struktur bahasa Melayu lama tanpa sebarang tanda baca. Dalam konteks kajian, al-Mahdi adalah watak utama dalam kisah pemimpin akhir zaman yang diceritakan dalam manuskrip MSS 2939. Al-Mahdi menjadi penyelamat dunia, agama Islam dan umatnya daripada serangan Dajjal yang merosakkan akidah umat Islam di akhir zaman. Watak al-Mahdi digambarkan sebagai seorang manusia biasa yang dipilih oleh Allah SWT sebagai pemimpin terakhir di dunia menjelang kiamat berdasarkan sifat-sifat kepimpinan yang digariskan oleh Islam.

1.12.3 Sheikh Daud al-Fatani r.h.m

Merupakan ulama yang tersohor di Nusantara dan terbilang di Asia Tenggara. Beliau



mendapat beberapa gelaran seperti “al-‘Alim al-‘Allamah al-‘Arif al-Rabbani”,

“Sheikh Daud Waliullah”, “Sheikh Daud Keramat”, “Sheikh Daud Pengarang Kitab”, (Wan Mohd. Shaghir, 1990a:21-22; 1991a:18; Hooker, 1991:73). Gelaran ini bersesuaian dengan kearifan dan ketokohan beliau yang begitu produktif menghasilkan karya-karya dalam bidang agama. Beliau adalah seorang yang kuat berpegang kepada mazhab Syafi’i dan Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah. Beliau juga turut mengamalkan tariqat Syatariyyah, Samaniyyah dan tariqat Syazaliyah (Ensiklopedia Tasawuf, 2008:316-322). Menurut Wan Mohd Shaghir (1991a:20), karya terawal beliau dihasilkan pada tahun 1204H/1789M dan karya terakhir dihasilkan pada 1259H/1843M (Wan Mohd. Shaghir, 1995:9). Wan Mohd. Shaghir (1990a:55-57; 2003a:8-21; 1991:21) menyatakan bahawa, sebanyak 101 judul karya telah dihasilkan oleh Sheikh Daud al-Fatani r.h.m dalam pelbagai bidang agama. Karya yang dikaji ini merupakan





salah satu daripada karya-karya yang telah dihasilkan oleh beliau sepanjang penglibatannya sebagai seorang ulama yang aktif berdakwah melalui pena.

1.13 Kesimpulan

Dalam bab ini telah dibincangkan tentang kepentingan-kepentingan kajian perlu dilakukan. Sebab-sebab utama telah diutarakan yang menjadi persoalan kajian. Ia bertujuan untuk memperluaskan penggunaan teori Takmilah yang selama ini sering diuji kesesuaiannya dalam genre puisi, cerpen dan novel sahaja. Perluasan ini secara tidak langsung dapat menambah koleksi keilmuan Islam khasnya di Perpustakaan Negara Malaysia dan secara amnya di Malaysia ini sendiri.



Oleh kerana itu, keperluan mengkaji naskhah manuskrip MSS 2939 ini perlu diberi perhatian agar koleksi-koleksi ilmu dapat dihimpunkan serta ditambah sebagai salah satu usaha untuk memelihara khazanah keilmuan negara sebagai wadah yang dapat membina jati diri generasi akan datang. Maka dengan itu, segala usaha ini diharap dapat memberi bekalan pengetahuan kepada generasi akan datang untuk lebih mengenali tokoh ilmuan Islam dan negara tercinta berdasarkan khazanah-khazanah ilmu yang terhimpun dan dijaga rapi hingga ke hari ini.

